



***al-Iṣlāḥ* menurut Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī dan penerapannya dalam mendepani fasa endemik**

[al-Iṣlāḥ according to Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī and its application in facing the endemic phase]

Muhammad Aizat Syimir Rozani*, Mohd Farid Ravi Abdullah, Nurzatil Ismah Azizan, & Yaakob Hasan

Faculty of Islamic Civilisation Studies, International Islamic University College Selangor (KUIS), Malaysia.

* Corresponding Author: Muhammad Aizat Syimir Rozani, Department of Al-Quran and Al-Sunnah, Faculty of Islamic Civilisation Studies, International Islamic University College Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Selangor, Malaysia. E-Mail: 20pi01008@student.kuis.edu.my. Telp.: (+60) 10-6565321. ORCID iD: <https://orcid.org/0000-0001-7769-8492>.

Keywords:

al-Iṣlāḥ; Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī; Application; Endemic; Covid-19.

ABSTRACT

*On April 1, 2022, Malaysia entered an endemic phase after transitioning from the Covid-19 pandemic. This transition period is intended to allow Malaysians to resume normal life after dealing with the outbreak for the past two years. Therefore, the reforming process is accelerated to ensure the country's welfare which has suffered severely and negatively. The religious point of view, particularly Islam is one of the most important areas in reforming strategies. Many Islamic scholars contributed spiritual ideas to enlighten the society in addition to other strategies too such as finance and health. For example, a Moroccan Islamic scholar named Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī who worked on a tafsir entitled *al-Taysīr fī Aḥādīth al-Tafsīr*. Hence, this research was carried out to examine Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī's thoughts on *al-Iṣlāḥ* through his tafsir, as well as their applications in dealing with the endemic phase. The study used a qualitative methodology that involved analysing the verses of the Quran that contain words rooted from *Ṣād - Lām - Hā'* in the tafsir. Following that, the findings were discussed thematically, as well as their applications to the issues confronting the endemic phase. According to the findings of the analysis, the process of restoring the endemic phase is not limited to external factors such as environmental reform. It is also necessary to focus on the spiritual collapse and social conflict between communities, which are also part of the causes of the world calamity. In this regard, this study is significant for all parties at working to improve the world after the Covid-19 pandemic, while also broadening the dimensions of the improvement strategy in the endemic phase.*

Kata Kunci:

al-Iṣlāḥ; Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī; Penerapan; Endemik; Covid-19.

ABSTRAK

Tanggal 1 April 2022, Negara Malaysia telah memasuki fasa peralihan daripada fasa pandemik ke fasa endemik. Fasa peralihan ini adalah bertujuan untuk rakyat Malaysia kembali kepada kehidupan normal selepas mereka bergelut dengan pandemik Covid-19 sejak dua tahun lalu. Justeru, proses pengislahan akan dipergiatkan bagi menjamin kemaslahatan negara yang telah

menerima impak negatif yang sangat kritikal. Antara strategi pengislahan yang terpenting adalah dengan melibatkan sudut pandang agama khususnya agama Islam. Terdapat ramai cendekiawan Islam yang menyumbang buah pemikiran berbentuk spiritual demi untuk mengislahkan masyarakat seiring dengan strategi lain seperti kewangan, kesihatan dan lain-lain lagi. Misalnya, cendekiawan Islam Maghribi bernama Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī yang mempunyai karya tafsir bertajuk *al-Taysīr fī Aḥādīth al-Tafsīr*. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menganalisis pemikiran Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī melalui kitab tafsirnya berkaitan pengislahan (*al-Isḫlāḥ*) serta penerapannya dalam mendepani fasa endemik. Metodologi yang digunakan adalah kajian berbentuk kualitatif dengan melakukan analisis terhadap ayat-ayat al-Quran yang mengandungi perkataan berakar kata *Ṣād - Lām - Ḥā'* di dalam dokumen yang telah ditetapkan iaitu tafsir *al-Taysīr fī Aḥādīth al-Tafsīr*. Seterusnya hasil dapatan akan dibincangkan secara tematik bersama dengan penerapannya dalam isu mendepani fasa endemik. Hasil analisis mendapati bahawa proses pengislahan fasa endemik tidak terhad kepada faktor luaran seperti pengislahan alam sekitar sahaja. Namun perlu juga menitikberatkan pengislahan terhadap faktor lain seperti keruntuhan rohani dan konflik sosial antara masyarakat yang turut menjadi sebahagian daripada punca berlakunya musibah di dunia. Sehubungan itu, kajian ini signifikan bagi semua pihak yang berusaha untuk mengislah bumi ke arah kebaikan pasca pandemik Covid-19 sekali gus meluaskan lagi dimensi strategi pengislahan di fasa endemik.

Received: October 16, 2022

Accepted: November 24, 2022

Online Published: December 31, 2022

How to Cite:

Rozani, M. A. S., Abdullah, M. F. R., Azizan, N. I., & Hasan, Y. (2022). al-Isḫlāḥ menurut Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī dan penerapannya dalam mendepani fasa endemik. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(2), 972-981. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i2.345>

1. Pendahuluan

al-Isḫlāḥ (الإصلاح) berasal daripada akar perkataan ح - ل - ص (*ṣād - lām - ḥā'*) yang membawa makna kontradik dengan *al-fasād* (kemusnahan) (Ibn Fāris, 2002). Perkataan tersebut sering digunakan di dalam al-Quran dalam bentuk kata kerja dan sentiasa berpasangan dengan perkataan *al-fasād* atau *al-sayyi'ah* (keburukan) (al-Rāghib al-Aṣḫānī, 1992). Menurut al-Zamakhsharī (1998), *al-Isḫlāḥ* bermaksud menghasilkan suasana yang baik dan bermanfaat. Manakala Ibn Bādīs (2002) pula mendefinisikan *al-Isḫlāḥ* sebagai mengembalikan sesuatu perkara kepada keadaan asalnya yang baik dengan menghapuskan segala keburukan padanya. Berdasarkan pandangan-pandangan tersebut, *al-Isḫlāḥ* dapat dilihat merangkumi dua perkara; (i) Menghapuskan keburukan, dan (ii) Mengembalikannya pada keadaan asal yang baik.

Berkaitan kajian yang dijalankan melalui artikel ini, metodologi yang digunakan adalah kajian berbentuk kualitatif dengan melakukan analisis terhadap ayat-ayat al-Quran yang mengandungi perkataan berakar kata *ṣād - lām - ḥā'* di dalam dokumen yang telah ditetapkan, iaitu tafsir *al-Taysīr fī Aḥādīth al-Tafsīr*. Seterusnya hasil dapatan akan dibincangkan secara tematik bersama dengan penerapannya dalam isu mendepani fasa endemik.

Justeru, untuk mengenalpasti sampel kajian yang telah digariskan tersebut, kajian ini menggunakan enjin pencarian "Quran Corpus" di laman sesawang dan mendapati perkataan yang berasal daripada akar kata ح - ل - ص digunakan di dalam al-Quran pada seratus lapan puluh tempat. Dua tempat menggunakan kata

kerja *Ṣalaha* (صَلَحَ), dua puluh lapan tempat menggunakan kata kerja *aṣḥaha* (أَصْلَحَ), Sembilan tempat merujuk kepada Nabi Salih AS (صَالِح), dua tempat menggunakan kata nama *ṣulḥ* (صُلْح), enam puluh lima tempat merujuk kepada kata nama *ṣāliḥ* (صَالِح), enam puluh dua tempat merujuk kepada kata nama *ṣāliḥāt* (صَالِحَات), tujuh tempat menggunakan kata kerja *iṣḥah* (إِصْلَحَ) dan lima tempat menggunakan kata nama *muṣliḥ* (مُصْلِح). Namun, perkataan-perkataan yang menjurus kepada islah adalah kata kerja *aṣḥaha* (أَصْلَحَ), *iṣḥah* (إِصْلَحَ) dan kata nama *muṣliḥ* (مُصْلِح) yang berjumlah empat puluh tempat. Jadual 1 merumuskan data berkaitan *al-Iṣlāḥ* di dalam al-Quran seperti yang dinyatakan.


Jadual 1: Perkataan berasal dari akar kata ص-ل-ح dalam al-Quran

ص - ل - ح							
مُصْلِح	إِصْلَحَ	صَالِحَات	صَالِح	صُلْح	صَالِح (النبي)	أَصْلَحَ	صَلَحَ
5	7	62	65	2	9	28	2
Jumlah Keseluruhan: 180 tempat							
Jumlah Perkataan Islah: 40 tempat							

Sumber: Quran Corpus (<https://corpus.quran.com/qurandictionary.jsp?q=SIH>)

Namun begitu, hanya lapan belas daripada empat puluh tempat sahaja yang menjadi fokus tafsiran Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī atau al-Nāṣirī di dalam tafsirnya *al-Taysīr fī Ahādīth al-Tafsīr*. Pemilihan ayat yang tertentu ini adalah disebabkan metodologi tafsir al-Nāṣirī yang ringkas dan padat serta tidak memperincikan setiap ayat seperti tafsir-tafsir yang berasaskan *al-Tafsīr al-Taḥlīlī* (Tafsir Terperinci) (Bu'ṣāb, 2014). Justeru, terdapat ayat-ayat al-Quran yang tidak disentuh secara terperinci dan dihurai panjang. Ayat-ayat berkaitan islah yang ditafsirkan oleh al-Nāṣirī adalah seperti dilampirkan dalam Rajah 1 serta disenaraikan berikutnya:

Rajah 1: Pilihan ayat-ayat Islah Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī



Sumber: Tafsir *al-Taysīr fī Ahādīth al-Tafsīr*

- Surah *al-A'raf* [7]: 142, 170
- Surah *al-Naml* [27]: 48
- Surah *al-Qaṣaṣ* [28]: 19
- Surah *Yūnus* [10]: 81
- Surah *al-Baqarah* [2]: 11
- Surah *al-Anfāl* [8]: 1
- Surah *al-Aḥzāb* [33]: 71
- Surah *al-Nisā'* [4]: 114, 129, 146

- Surah *Hūd* [11]: 88
- Surah *al-Aḥqāf* [46]: 15
- Surah *al-Naḥl* [16]: 119
- Surah *al-Anbiyā'* [21]: 90
- Surah *al-Nūr* [24]: 5
- Surah *al-Hujurāt* [49]: 9
- Surah *al-Mā'idah* [5]: 39

2. *al-Iṣlāḥ* Menurut Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī

Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī dalam penulisan tafsirnya *al-Taysīr fī Aḥādīth al-Tafsīr* dilihat mengikuti metodologi pengislahan seperti yang diperjuangkan oleh tokoh reformis Islam yang terdahulu seperti Jamāl al-Dīn al-Afghānī, Syeikh Muḥammad 'Abduh, syeikh Ibn Bādīs dan lain-lain lagi (Ṣāliḥ, t.th.). Menurut Ṣāliḥ (t.th.), al-Nāṣirī melihat bahawa pengislahan individu dan masyarakat perlu bermula dengan pengislahan diri dengan memurnikan akidah dan pemikiran menurut kerangka al-Quran. Hasil dapatan kajian beliau yang bertajuk *Manhaj al-Shaykh Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī Fī al-Iṣlāḥ Min Khilāl Tafsīrih Al-Taysīr fī Aḥādīth al-Tafsīr* (Metodologi Syeikh Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī dalam Pengislahan Menurut Tafsirnya *Al-Taysīr fī Aḥādīth al-Tafsīr*) juga mendapati bahawa pengislahan sistem politik merupakan di antara usaha awal al-Nāṣirī. al-Nāṣirī berpendapat bahawa keadaan sesuatu masyarakat, ekonomi dan kebudayaan tidak akan baik sekiranya keadaan sesuatu kerajaan dan politik tidak dimurnikan terlebih dahulu (Ṣāliḥ, t.th.).

3. Pengertian *al-Iṣlāḥ* Menurut Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī

Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī (1985: 141) mentafsirkan surah *Hūd* [11] ayat ke-88 mendefinisikan perkataan *al-Iṣlāḥ* sebagai:

كَلِمَةُ الْإِصْلَاحِ تَعْنِي عَلَى الْعُمومِ الْإِتْيَانُ بِمَا هُوَ صَالِحٌ وَنَافِعٌ وَمُنَاسِبٌ

“Perkataan islah secara umumnya membawa maksud melakukan apa yang baik, bermanfaat dan bersesuaian.”

Dalam tafsiran ayat yang sama, al-Nāṣirī (1985: 141) turut mendefinisikan perkataan *al-Ṣāliḥ* seperti berikut:

الصَّالِحُ هُوَ الَّذِي قَامَ بِمَا يَلِزِمُهُ مِنْ حُقُوقِ اللَّهِ وَحُقُوقِ الْعِبَادِ


“*al-Ṣāliḥ* adalah orang yang memenuhi hak Allah SWT dan hak manusia.”

Perkataan salih mempunyai signifikan untuk dibahaskan bersama di dalam kerangka perbincangan *al-Iṣlāḥ* kerana menurut kefahaman terhadap kenyataan al-Nāṣirī (1985), orang yang salih akan melakukan pengislahan. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan kepada pendefinisian *al-Iṣlāḥ* dan *al-Ṣāliḥ* di atas, dapat difahami bahawa *al-Iṣlāḥ* menurut al-Nāṣirī bermaksud melakukan sesuatu yang baik, bermanfaat dan bersesuaian serta memenuhi hak Allah SWT dan hak manusia. Melakukan sesuatu yang baik, bermanfaat dan bersesuaian memberikan indikator perbuatan *al-Iṣlāḥ* manakala memenuhi hak Allah SWT dan hak manusia memberikan indikator *maqāṣid* (tujuan) *al-Iṣlāḥ*.

4. Aspek-Aspek *al-Iṣlāḥ*

Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī (1985) dalam mentafsirkan surah *Hūd* [11] ayat ke-88, menjelaskan bahawa objektif utama pada setiap risalah ilahi adalah untuk mengislah keadaan manusia dengan pengislahan yang sempurna mencakupi pelbagai aspek. Pendapat ini turut dinyatakan oleh Ibn 'Ashūr (2004) di dalam kitabnya *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. Menurut Ibn 'Ashūr (2004), syariat Islam memberikan penekanan terhadap pengislahan. Hal ini kerana, pengislahan itu sendiri merupakan salah satu di antara *maqāṣid* syariat Allah SWT.

al-Nāṣirī (1985) turut menyenaraikan aspek-aspek tersebut yang memerlukan kepada pengislahan seperti pengislahan akidah, pengislahan syariah, pengislahan peribadi, pengislahan masyarakat, pengislahan kehidupan dan pengislahan hubungan. Rajah 2 menunjukkan aspek-aspek *al-Iṣlāḥ* menurut al-Nāṣirī.



Rajah 2: Aspek-aspek *al-Iṣlāh* menurut Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī
 Sumber: Tafsir *al-Taysīr fī Ahādīth al-Tafsīr*.

5. Langkah-langkah Pengislahan menurut Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī

Berdasarkan kepada tafsiran al-Nāṣirī terhadap ayat-ayat berkaitan *al-Iṣlāh*, kajian mendapati langkah-langkah pengislahan menurut beliau adalah seperti berikut:

5.1 Memohon kepada Allah SWT dengan Penuh Pengharapan dan Ketakutan

Pada surah *al-Anbiyā'* [21] ayat ke 90, Allah SWT menceritakan bagaimana Nabi Zakaria AS merayu kepada Allah SWT untuk mendapatkan zuriat dengan rayuan yang penuh harapan dan rasa gerun ketakutan (*raghaban wa rahaban*). Lantas, permintaan Nabi Zakaria AS itu diperkenankan oleh Allah SWT dan Dia “mengislah” isteri Nabi Zakaria AS yang mandul sehingga beliau mampu untuk menampung zuriat.

Raghab atau pengharapan di dalam ayat ini membawa maksud bahawa Nabi Zakaria AS beribadah kepada Allah SWT dengan berharap kepada rahmat dan kebaikan daripada-Nya, manakala *rahbah* atau rasa gerun di dalam ayat ini membawa maksud bahawa Nabi Zakaria AS beribadah kepada Allah dengan rasa takut terhadap azab dan balasan-Nya lantaran sekiranya meninggalkan ibadah kepada Allah SWT dan melakukan maksiat terhadap-Nya (al-Ṭabarī, 2001). Justeru, *targhib* boleh juga difahami sebagai satu bentuk galakan, dorongan, khabar gembira dan rangsangan kepada seseorang dalam pelbagai cara bersumberkan al-Quran dan *al-Sunnah*, manakala *tarhib* pula merujuk kepada bentuk menakutkan, penggerunan, ancaman dan azab di akhirat kelak (Mustapha, Sham, & Mokhtar, 2019).

al-Nāṣirī (1985) pula berpendapat bahawa ayat ini menunjukkan bahawa para nabi dan rasul sebelum ini turut berdoa pada waktu yang penuh pengharapan dan juga pada waktu yang penuh ketakutan. Juga sama ada semasa dalam kesempitan atau ketenangan. Bahkan menurut al-Nāṣirī (1985), kedua-dua perasaan itu boleh bergabung pada satu masa yang sama dan ia tidak mustahil khususnya bagi mereka yang arif dalam bidang kerohanian.

5.2 Bertaubat kepada Allah SWT

Pada surah *al-Nahl* [16] ayat ke 119, Allah SWT menyatakan sekiranya orang-orang kafir bertaubat dan mengislah diri mereka, maka Allah SWT sebagai Tuhan yang Maha Mengampun dan Maha Mengasihani akan menerima taubat tersebut (al-Ṭabarī, 2001).

Taubat bermaksud penyesalan dan pencabutan dosa maksiat yang dilakukan berserta azam untuk tidak mengulanginya semula sekalipun berkemampuan untuk melakukannya dan bukan disebabkan rasa takut mendapat mudarat kepada badan dan harta akibat perbuatan maksiat tersebut (Abū Jayb, 1982). Menurut al-Nāṣirī (1985), manusia merupakan makhluk yang lemah dan mempunyai nafsu yang mendorong mereka untuk melakukan maksiat dan dosa. Justeru, Allah SWT yang Maha Mengetahui keadaan hamba-Nya membuka pintu taubat sebagai satu bentuk penyelesaian kepada hamba-Nya yang melakukan kemaksiatan. Pintu taubat tersebut memungkinkan manusia untuk kembali taat kepada Allah SWT setelah melakukan maksiat, terus istiqamah melakukan amalan kebaikan setelah melakukan kerosakan dan sehingga mereka mempraktikkan amalan-amalan baik yang baru untuk menggugurkan dosa dan kesalahan yang lain (al-Nāṣirī, 1985).

Namun berdasarkan kepada ayat ke 119 surah *al-Nahl* [16] juga, proses mendapatkan keampunan Allah SWT tidak terberhenti pada elemen taubat berbentuk penyesalan diri sahaja namun perlu kepada proses pengislahan diri seperti yang dinyatakan. Taubat menurut Mujahideen & Hamidi (2020) menjelaskan bahawa disamping meninggalkan dosa, seseorang individu perlu menggandakan amalan soleh dan jika dosa yang dilakukan tersebut melibatkan hak manusia maka perlu berurusan dengan manusia tersebut dan tidak memadai dengan keampunan Allah SWT sahaja.

Hasil kajian juga mendapati bahawa pengislahan diri menurut al-Nāṣirī (1985) adalah dengan taat kepada Allah SWT, istiqamah dalam ketaatan tersebut dan mempraktikkan amalan-amalan baik untuk menggugurkan dosa-dosa yang lepas.

5.3 Memperuntukkan Masa yang Mencukupi

Dalam kisah Nabi Musa AS, diceritakan di dalam surah *al-A'raf* [7] ayat ke 142 bahawa proses munajat beliau di bukit Tursina mengambil masa selama tiga puluh malam dan kemudiannya ditambah sepuluh malam sehingga mencukupi jumlah keseluruhan sebanyak empat puluh malam (al-Ṭabarī, 2001). Justeru, dengan ketiadaan Nabi Mūsa AS beliau telah mengamanahkan Nabi Hārūn AS untuk memimpin dan mengislah kaumnya (al-Ṭabarī, 2001).

al-Nāṣirī (1985) ketika mentafsirkan ayat ini menyatakan bahawa Allah SWT sememangnya mampu untuk mempercepatkan proses munajat tersebut dan menyelesaikannya dalam satu malam. Namun Allah SWT memperuntukkan tempoh masa sebanyak empat puluh malam untuk Nabi Musa AS bermunajat dan juga untuk Nabi Harun AS memimpin kaumnya. Hal ini kerana proses pengislahan sama ada pengislahan diri atau masyarakat memerlukan kepada peruntukan masa yang mencukupi untuk menjayakan proses tersebut kerana setiap perkara mempunyai tempoh masanya (al-Nāṣirī, 1985).

6. Penerapan Pemikiran Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī dalam Mendepani Fasa Endemik

Tanggal 8 Mac 2022, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, mantan Perdana Menteri Malaysia telah membuat kenyataan media berkaitan peralihan ke fasa endemik. Setelah memperoleh pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta melakukan penelitian ke atas syor daripada Menteri Kuartet maka Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan bahawa negara akan memasuki Fasa "Peralihan Ke Endemik" bermula 1 April 2022 (Pejabat Perdana Menteri, 2022). Fasa Peralihan Ke Endemik ini merupakan satu usaha untuk membolehkan masyarakat Malaysia untuk melalui semula kehidupan yang hampir normal selepas sudah hampir dua tahun kita bergelumbang dengan Covid-19 (Pejabat Perdana Menteri, 2022). Pelbagai inisiatif yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memulihkan semula negara dalam pelbagai aspek seperti pendidikan, sosial, kesihatan, ekonomi dan lain-lain.

Berdasarkan kepada langkah-langkah pengislahan seperti yang dinyatakan oleh Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī, kajian mendapati bahawa idea pengislahan tersebut sesuai untuk dijadikan asas dalam memulihkan negara dalam fasa endemik. Idea pengislahan ini bertepatan dengan objektif peralihan ke fasa endemik yang ingin mengembalikan kehidupan normal masyarakat. Penerapan idea *al-Isḥāḥ* al-Nāṣirī dalam fasa endemik dapat dilihat seperti berikut:

6.1 Memohon kepada Allah SWT dengan Penuh Pengharapan dan Ketakutan

Pandemik Covid-19 yang melanda dunia sejak hujung tahun 2019 merupakan satu musibah buat manusia. Penggunaan perkataan musibah di dalam al-Quran menunjukkan bahawa ia merupakan sesuatu yang menimpa manusia sama ada baik atau buruk namun tetap mempunyai hikmah disebaliknya yang telah ditetapkan oleh Allah SWT (Rozani & Fuad, 2021). Hadis Nabi Muḥammad SAW juga memberikan penjelasan bahawa musibah boleh menjadi penghapus dosa atau permulaan sesuatu kebaikan.

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((مَا مِنْ مُصِيبَةٍ تُصِيبُ الْمُسْلِمَ إِلَّا كَفَّرَ اللَّهُ بِهَا عَنْهُ، حَتَّى الشُّوْكَةِ يُشَاكُهَا)).

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Marḍā, Bāb Mā Jā'a Fī Kaffārat al-Maraḍ*, no. 5640]

Maksudnya:

“Rasulullah SAW telah bersabda: “Tidaklah suatu musibah yang menimpa seorang muslim bahkan duri yang melukainya sekalipun melainkan Allah SWT akan menghapus (kesalahannya)”.”

Ibn Hajar (2013) dalam menghuraikan hadis ini berpendapat bahawa dosa seseorang itu akan diampunkan mengikut tahap ujian mereka. Semakin besar ujian yang dihadapi seseorang, semakin besar dosa yang akan diampunkan. Dalam hadis yang lain pula,

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: ((مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُصِبْ مِنْهُ))

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Mardā, Bāb Mā Jā'a Fī Kaffārat al-Maraḍ*, no. 5645]

Maksudnya:

“Rasulullah SAW telah bersabda: “Barangsiapa dikehendaki Allah SWT (mendapat) kebaikan, maka ia akan diuji”.”

Menurut al-Qistillānī (1905), ulama hadis bersetuju bahawa hadis ini merupakan satu *bushrā* (berita gembira) buat orang yang beriman. Hal ini kerana kesabaran orang yang beriman dalam menghadapi musibah yang menimpa mereka akhirnya dirasakan berbaloi dengan dibalas kebaikan daripada Allah SWT.

Oleh itu, sebagai langkah pengislahan di fasa endemik, manusia khususnya umat Islam perlu memohon kepada Allah SWT dengan penuh pengharapan dan rasa gerun kepada Allah SWT agar negara dapat pulih seperti sedia kala atau lebih baik. Hal ini kerana, permohonan dengan penuh harapan adalah sekiranya menganggap musibah yang menimpa manusia di kala pandemik ini adalah permulaan kepada suatu kebaikan. Manakala permohonan dengan rasa takut dan gerun adalah sekiranya menganggap musibah yang menimpa manusia adalah sebagai penghapus dosa. Pada hakikatnya, al-Nāṣirī (1985) berpendapat bahawa individu mampu untuk memohon kepada Allah SWT dengan kedua-dua keadaan sekali gus sama ada dengan penuh pengharapan atas musibah yang merupakan permulaan kepada kebaikan atau pun permohonan dengan rasa takut atas musibah yang merupakan penghapus dosa. Langkah ini merupakan apa yang dinamakan oleh Sudi, Md Sham, & Yama (2017) sebagai salah satu elemen kecerdasan spiritual iaitu dengan mempunyai perasaan cinta terhadap Allah dan Rasul dengan mendalam, mempunyai keyakinan diri dan mempunyai tahap kesabaran yang tinggi. Oleh itu, dengan memohon kepada Allah SWT dengan penuh pengharapan dan ketakutan dapat mengislah manusia melalui pembentukan individu yang cerdas spiritualnya sekaligus memastikan sekelilingnya terhindar daripada mafsadah yang tidak diingini.

6.2 Bertaubat kepada Allah SWT

Musibah yang menimpa seseorang individu boleh menghapuskan dosa seperti yang telah dijelaskan dalam hadis Nabi SAW. Namun ini tidak bermakna seseorang itu terlepas daripada tanggungjawab untuk bertaubat kepada Allah SWT. Malah terdapat ulama yang berpendapat bahawa dosa yang dihapuskan dengan musibah tersebut hanya melibatkan dosa kecil sahaja (Ibn Hajar, 2013). Justeru, terdapat keperluan untuk setiap individu bertaubat sama ada ditimpa musibah atau tidak dan tidak hanya berpada dengan menerima musibah tersebut tanpa bertaubat.

Jabatan Perangkaan Malaysia telah mengeluarkan Laporan Statistik Jenayah Malaysia yang memaparkan statistik jenayah terpilih iaitu Jenayah Indeks, Dadah, Rasuah, Alam Sekitar dan jenayah lain sekitar tahun 2016 hingga 2018. Jika ditelusuri senario jenayah negara yang berlaku pra-pandemik, dapat dilihat bahawa jenayah negara merupakan di tahap yang serius. Jabatan Perangkaan Malaysia (2019) melaporkan pada tahun 2018, 60.8% jenayah kekerasan adalah daripada jenayah samun yang bersamaan 10,271 kes. Kecurian kenderaan pula menyumbang 50.1% kepada jenayah harta benda yang bersamaan 35,953 kes. Manakala yang melibatkan jenayah dadah, majoriti penagih dadah (36.1%) malangnya adalah yang berkelulusan MCE/SPM/SPMV atau dalam erti kata lain remaja belasan tahun. Tangkapan kesalahan menerima rasuah juga merekodkan bilangan tertinggi berbanding kategori rasuah yang lain iaitu sebanyak 394 kes (44%) daripada 894 kes. Semua kesalahan tersebut merupakan dosa-dosa besar yang melibatkan setiap lapisan umur masyarakat dan dilarang dalam agama Islam.

Jenayah samun dapat difahami di dalam undang-undang syariah Islam sebagai *al-intihāb*. Meskipun jenayah *al-intihāb* tidak menatijahkan pelakunya dikenakan hukuman berat seperti hudud namun pelakunya tetap dikenakan hukuman *ta'zīr* (Irfan, 2013). Apatah lagi jenayah mencuri yang difahami di dalam undang-undang syariah Islam sebagai *al-surqah* dan pelakunya akan dikenakan hukuman hudud potong tangan seperti yang dinyatakan secara jelas di dalam surah *al-Mā'idah* [5] ayat ke 38. Kedua-dua jenayah ini; samun dan mencuri merupakan perbuatan jahat yang dikutuk bukan sahaja dalam Islam malah di dalam perundangan Malaysia seperti yang tertera di dalam Kanun Keseksaan Akta 574.

Seterusnya sebarang penyalahgunaan termasuk penyalahgunaan dadah maka hukumnya adalah haram seperti yang ditetapkan di dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-3 yang bersidang pada 15-16 April 1982 (JAKIM, 1982). Tambahan pula, dalam muzakarah jawatankuasa yang sama Kali Ke-76 pada 21-23 November 2006 yang membincangkan berkaitan *Hukum Penyalahgunaan Dadah Jenis Syabu dan Jenis-jenis Dadah Baharu Yang Lain*, telah ditetapkan bahawa semua aktiviti yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah ini seperti menanam, memproses, memiliki, menjual, mengedar, membeli atau membenarkan premis digunakan untuk bersubahat dengan penggunaannya adalah juga diharamkan (JAKIM, 2006). Amat merungsingkan sekali seperti yang dinyatakan di dalam statistik jenayah di atas bahawa majoriti penagih dadah adalah melibatkan remaja belasan tahun lepasan MCE/SPM/SPMV yang terpalit dengan dosa besar ini pada usia yang muda.

Rasuah yang membawa maksud memakan harta orang lain dengan cara yang batil juga termasuk di antara perbuatan yang berdosa dan terkutuk di dalam syariat Islam (al-Qaradāwī, 2012). al-Qaradāwī (2012), turut memberikan gambaran situasi rasuah seperti wang yang diberikan kepada pihak yang berautoriti supaya mereka dapat menjatuhkan hukuman yang menguntungkan pemberi rasuah atau hukuman yang akan merugikan pihak lawan menurut kemahuannya. Situasi lain adalah seperti pihak berautoriti mendahulukan urusannya atau menundanya kerana ada suatu kepentingan dan lain-lain. Rasulullah SAW melaknat perbuatan ini seperti yang dikhabarkan oleh 'Abdullah ibn 'Amrū:

قَالَ: لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّاشِيَّ وَالْمُرْتَشِيَّ.

[Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud, Kitāb al-Aqdiyah, Bāb Fī Karāhiyat al-Rishwah*, no. 3582]

Maksudnya:

“(‘Abdullah bin ‘Amrū) telah berkata: “Rasulullah SAW melaknat pemberi dan penerima rasuah”.”

Menurut laman sesawang Transparency International (2017), Malaysia mencatatkan skor markah 47/100 yang menempatkan Malaysia di tangga ke enam puluh dua daripada seratus lapan puluh buah negara pada tahun 2017. Meskipun terdapat lonjakan pada tahun 2019 dengan markah 53/100 serta kedudukan di tangga ke 51 daripada seratus lapan puluh buah negeri, namun sebagai negara yang majoritinya masyarakat beragama Islam, ini merupakan satu perkara yang menggusarkan (Transparency International, 2019). Bahkan lebih menggusarkan apabila tiada langsung negara Islam yang menduduki dua puluh tempat teratas malah tempat yang tercorot (tangga ke 180) disandang oleh Negara Somalia yang majoriti masyarakatnya beragama Islam (Transparency International, 2019).

Oleh itu, langkah terawal yang perlu dilakukan dalam proses pengislahan di fasa endemik adalah dengan bertaubat kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taubat. Hal ini mencakupi rasa penyesalan dan memohon keampunan atas kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan sama ada di peringkat individu, keluarga, masyarakat dan negara. Seterusnya, dengan mengakui kesilapan serta berazam untuk tidak mengulangnya kembali kemudian ia disusuli dengan istiqamah dalam ketaatan tersebut dan mempraktikkan amalan-amalan baik untuk menggugurkan dosa-dosa yang lepas seperti yang digagaskan oleh Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī. Langkah ini merupakan di antara kaedah psikospiritual Islam yang menitikberatkan elemen akidah dan telah dibuktikan kemampuannya untuk meningkatkan daya tahan seseorang khususnya belia dan menghasilkan pencegahan yang berkesan (Wazir et al., 2020).

6.3 Memperuntukkan Masa yang Mencukupi

Kerajaan Malaysia telah melaksanakan Pelan Pemulihan Negara (PPN) dengan tujuan untuk beralih ke fasa endemik. Empat fasa PPN disusun oleh pihak kerajaan sebagai langkah mengembalikan kehidupan rakyat Malaysia kepada kehidupan yang normal. Meskipun melaksanakan PPN adalah berbeza masa pelaksanaan

mengikuti negeri namun pada peringkat awalnya fasa pertama direncanakan bermula pada bulan Jun 2021. Fasa pertama akan dilaksanakan sekiranya purata kes harian Covid-19 adalah di bawah paras empat ribu kes, penggunaan katil di ICU pulih ke paras sederhana dan 10% populasi telah menerima dua dos suntikan vaksin. Kemudian disusuli dengan fasa kedua pada bulan Julai hingga Ogos 2021. Pada fasa ini, sektor ekonomi akan dibuka secara berperingkat dan kapasiti pekerja dibenarkan sehingga 80% di premis. Sambungan fasa ketiga dijangka pada bulan September hingga Oktober 2021 hanya sekiranya 40% populasi telah menerima dua dos vaksin. Ketika ini, aktiviti sosial termasuk pendidikan & sukan tertentu dibuka secara berperingkat. Manakala pengakhiran PPN iaitu fasa keempat dijangka pada akhir Oktober hingga Disember 2021 hanya sekiranya purata kes harian Covid-19 di bawah 500 kes dan 60% populasi negara telah menerima dua dos vaksin menandakan negara telah mencapai imuniti kelompok. Pada fasa ini, semua sektor ekonomi akan dibuka, pelancongan domestik dibuka dengan SOP yang ketat serta memperoleh kebenaran untuk merentas negeri (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021). PPN kerajaan Malaysia mengambil masa lebih kurang tujuh bulan untuk memulihkan negara dan boleh jadi berubah mengikut kesesuaian semasa. Semasa PPN dijalankan sudah pasti terdapat ralat dalam proses yang memerlukan penambahbaikan dan pembetulan namun akan menatijahkan keputusan yang memuaskan.

Proses pengislahan semestinya tidak berlaku dalam masa yang singkat. Menurut al-Nāṣirī (1985), setiap amalan mempunyai waktunya. Meskipun Allah SWT Maha Berkuasa untuk menjadikan suatu perkara itu sekelip mata namun diberikan masa yang secukupnya. Justeru, peruntukan masa yang mencukupi dan bersesuaian amatlah penting dalam sesuatu proses.

7. Kesimpulan

Kajian ini telah menjelaskan pemikiran al-Nāṣirī terhadap pengislahan menurut al-Quran melalui tafsirnya *al-Taysīr fī Ahādīth al-Tafsīr*. Kemudian, kajian ini juga telah menghuraikan penerapannya dalam fasa endemik yang sedang berlangsung di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa proses pengislahan menurut al-Nāṣirī menekankan tiga langkah yang utama; (i) Memohon kepada Allah SWT dengan penuh pengharapan dan rasa gerun, (ii) Bertaubat kepada Allah SWT, dan (iii) Memperuntukkan masa yang mencukupi. Ketiga-tiga langkah ini dapat diterapkan dengan mengambil kira kesalahan yang dilakukan sebelum pandemik Covid-19 melanda dunia. Hal ini kerana, sekiranya semasa endemik rakyat Malaysia juga telah melakukan kesalahan-kesalahan yang lepas sudah pasti musibah yang sama atau lebih teruk akan kembali menimpa dunia hasil kerosakan yang dilakukan sendiri oleh tangan manusia. Kerajaan Malaysia juga telah mengambil langkah pemulihan yang bijak dengan mengatur strategi dan peruntukan masa yang sesuai. Untuk fasa pemulihan, ia memerlukan kepada masa yang mencukupi dan tidak gopoh hingga mengakibatkan masalah menjadi lebih teruk. Langkah-langkah *al-Iṣlāh* ini dapat diambil perhatian seiring dengan langkah-langkah pengislahan lain yang lebih terperinci sebagai usaha untuk memulihkan kehidupan manusia di dunia khususnya di Negara Malaysia.

Rujukan

- Abū Dāwud, S. (n.d.). *Sunan Abī Dāwud*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī.
- Abū Jayb, S. (1982). *al-Qāmūs al-fiqhī lughatan wa iṣṭilāhan*. Damsyik, Syria: Dār al-Fikr.
- al-Bukhārī, M. (2012). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī (al-Jāmi‘ al-musnid li ṣaḥīḥ al-mukhtaṣar min umūr Rasūlillah SAW wa sunanihi wa ayyāmihi* (1st ed.). Kaherah, Mesir: Dār al-Ta‘ṣīl.
- al-Nāṣirī, M. (1985). *al-Taysīr fī ahādīth al-tafsīr*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- al-Qaraḍāwī, Y. (2012). *al-Halāl wa al-ḥarām fī al-Islām*. Kaherah, Mesir: Maktabat Wahbah.
- al-Qisṭillānī, A. (1905). *Irshād al-sārī li sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (7th ed.). Kaherah, Mesir: al-Maṭba‘ah al-Kubrā al-Amīriyyah.
- al-Rāghib al-Aṣfahānī, A. (1992). *al-Mufradāt fī gharīb al-Qur‘ān*. Beirut: Dār al-Qalam.
- al-Ṭabarī, M. (2001). *Jāmi‘ al-bayān ‘an ta‘wīl āyi al-Qur‘ān*. Kaherah, Mesir: Dār Hijr.
- al-Zamakhsharī, A. (1998). *al-Kashshāf ‘an ḥaqā‘iq ghawāmiḍ al-tanzīl wa ‘uyūn al-aqāwīl fī wujūh al-ta‘wīl*. Riyadh, KSA: Maktabat al-‘Abīkān.
- Bu‘ṣāb, S. (2014). al-Shaykh Muḥammad al-Makkī al-Nāṣirī mufasssiran. *Majallat Al-Ibṣār*, 2(2), 5-16. <https://doi.org/10.12816/0014861>.
- Ibn Bādīs, A. M. (2002). *Tafsīr Ibn Bādīs fī majālis al-tadhkīr min kalām al-ḥakīm al-khabīr*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Fāris, A. (2002). *Maqāyīs al-lughah*. Damsyik, Syria: Ittihād al-Kitāb al-‘Arab.
- Ibn Ḥajar, A. I. N. (2013). *Fath al-bārī sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (1st ed.). Beirut: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah.

